

A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Kami lihat _____ di kawasan taman itu semakin mekar.
A kayu-kayu
B buah-buah
C pokok-pokok
D bunga-bunga
- 2 Nenek dan ibu _____ di ruang tamu itu sambil minum petang.
A diam-diam
B tidur-tidur
C jalan-jalan
D duduk-duduk
- 3 Para peserta acara larian 800 meter itu _____ untuk memenangi tempat pertama.
A asak-mengasak
B kejar-mengejar
C tolak-menolak
D tarik-menarik

- 4 Nasihat yang diberikan oleh Cikgu Zaim _____ dapat juga mengubah sikap Emir yang nakal itu.
A seelok-eloknya
B sebaik-baiknya
C setidak-tidaknya
D seboleh-bolehnya
- 5 Aiman ketawa _____ sewaktu menonton filem komedi lakonan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.
A terbahak-bahak
B terpekik-pekik
C tersipu-sipu
D teresak-esak
- 6 Mulut bayi yang berusia tujuh bulan itu _____ apabila melihat aiskrim yang dimakan oleh abangnya.
A terketar-ketar
B terkebil-kebil
C terkecap-kecap
D tercungap-cungap

B. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Izzul dekat-dekat tergelincir semasa melalui titi di sungai itu.

(ii) Kegiatan lumba haram kebiasaannya bermula pada waktu malam-malam terang.

(iii) Kami tidak mampu membeli barang di pusat beli-belah itu kerana harganya banyak-banyak.

(iv) Program Cintai Alam Sekitar itu dijalankan untuk menyedarkan anak-anak tua tentang kepentingan menjaga alam sekitar.

(v) Peserta bengkel penulisan itu bergilir-gilir fikiran bagi menyiapkan tugas untuk dibentangkan pada akhir bengkel nanti.

(vi) Pencuri itu menjeling-jeling di dalam semak untuk mencari jalan keluar apabila beberapa orang kampung cuba menangkapnya.

mengendap-ngendap

bertukar-tukar

anak-anak muda

mahal-mahal

nyaris-nyaris

malam-malam buta